

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan yang telah dan akan disediakan bagi membaik pulih rumah ibadah seperti surau, masjid, gereja, tokong dan kuil di Parlimen Papar mengikut pecahan DUN Pantai Manis, DUN Limbahau dan DUN Kawang sehingga kini.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula dari tahun 2018 sehingga kini, sebanyak RM959,000 peruntukan telah diluluskan di kawasan Parlimen Papar bagi kerja-kerja bina baharu dan naik taraf rumah ibadat.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM871,000 adalah bagi pelaksanaan projek-projek di kawasan DUN Kawang manakala selebihnya iaitu sebanyak RM88,000 adalah di kawasan DUN Pantai Manis.
3. Kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan projek bina baharu dan naik taraf rumah ibadat ini adalah berdasarkan keperluan penduduk setempat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.